

Festival teater cabar peserta memanusiaikan watak jahat

Serdang: Hampir 90 pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) menjayakan Festival Teater Pendek 2017 yang menyaksikan enam pasukan berentap pada program bertema *Antagonis* itu.

Festival anjuran Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar (PKPP) UPM itu bertujuan mendedahkan pelajar Kursus Kokurikulum Berkredit Teater dan Drama Pentas (QK-B2103) dengan selok-belok penguasaan produksi teater melalui pendekatan pembelajaran berasaskan projek.

Fasilitator kursus itu, Nur Izzati Khairuddin, berkata setiap pasukan terbabit dikehendaki menghasilkan sebuah naskhah pendek mengenai latar belakang karakter jahat pilihan mereka. "Sebanyak enam naskhah dipertandingkan, iaitu



Antara aksi pelakon dalam naskhah Scar.

Kebayan, *Selingkuh Sang Merah*, *Joker*, *Scar*, *Pemaisuri Merah* dan *Allerednic*.

Cabaran positif

"Pasukan johan membawa pulang hadiah wang tunai RM500, naib johan (RM300)

dan tempat ketiga (RM100), selain piala serta hamper," katanya.

Seorang daripada juri jemputan yang juga pengarah dan penulis skrip, Andy Darrel Gomes, berkata pemilihan tema festival tahun ini dilihat

sebagai cabaran positif kepada pasukan bertanding.

"Mereka perlu memanusiaikan karakter jahat melalui penyampaian jalan cerita bagi membolehkan penonton berasa simpati terhadap watak berkenaan," katanya.

info

Festival Teater Pendek 2017, UPM

- **Johan:** Kebayan
- **Naib johan:** *Selingkuh Sang Merah*
- **Tempat ketiga:** *Joker*
- **Anugerah Skrip Terbaik:** Muhammad Irfan Zakaria (*Scar*)
- **Anugerah Pengarah Terbaik:** Muhamad Syahmi Samsuddin (*Kebayan*)
- **Anugerah Pelakon Lelaki Terbaik:** Mohd Aminudin Nasrudin (*Selingkuh Sang Merah*)
- **Anugerah Pelakon Wanita Terbaik:** Nur Sabreena Mohd Talha (*Kebayan*)
- **Anugerah Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik:** Wan Anas Shauki Wan Mohd Marzuki (*Scar*)
- **Anugerah Pelakon Pembantu Wanita Terbaik:** Fatin Hazwani Hamdan (*Kebayan*)
- **Anugerah Artistik Terbaik:** *Pemaisuri Merah*
- **Anugerah Pengolahan/Teknikal Terbaik:** *Allerednic*
- **Anugerah Publisiti Terbaik:** *Kebayan*